

## Optimis capai 6% pertumbuhan jualan

**Kuala Lumpur:** Petronas Dagangan Berhad (PDB), optimis untuk mencapai pertumbuhan lima hingga enam peratus jualan bagi segmen perusahaan kecil dan sederhananya (PKS) berbanding RM36 juta jualan yang direkodkan tahun lalu.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed M Tahir berkata, jumlah itu dijangka dapat

dicapai dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi.

Katanya, sehingga kini PDB mempunyai lebih 350 usahawan tempatan yang membekalkan produk mereka di Kedai Mesra seluruh negara.

"Sebagai syarikat minyak nasional, kami akan terus menyokong usaha mempromosikan perniagaan tempatan dan memperkuatkan ekonomi domestik.

"Di bawah program PKS,

kami membantu usahawan tempatan untuk menembusi pasaran lebih luas melalui rangkaian stesen kami di seluruh negara.

"Malah, beberapa usahawan ini mempunyai kehadiran pasaran di lebih 400 Kedai Mesra kami," katanya selepas pelancaran Kempen Beli Barang Malaysia di semua Kedai Mesra di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution.

Melalui kempen ini, PDB bersama-sama mempromosikan makanan dan minuman (F&B) tempatan di Kedai Mesra termasuk keropok, kek, jus dan sajian ruji.

Syed Zainal berkata, PDB juga akan menyediakan rak khas di 100 stesen Petronas terpilih yang menonjolkan produk buatan Malaysia.